

Memahami Kebebasan Asasi Menurut Perlembagaan dalam Mendepani Cabaran Semasa

BITARA

Volume 5, Issue 3, 2022: 044-057

© The Author(s) 2022

e-ISSN: 2600-9080

<http://www.bitarajournal.com>

Received: 21 Jun 2022

Accepted: 21 Ogos 2022

Published: 30 September 2022

[Understanding The Fundamental of Freedom from The Constitution in Exception of Nowadys Challenges]

Ahmad Farid Ibrahim,¹ Ahmad Jazlan Mat Jusoh¹ & Mohd Rahim Ariffin¹

2 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: farid@unisza.edu.my; jazlan@unisza.edu.my; rahim@unisza.edu.my

* Corresponding Author: farid@unisza.edu.my

Abstrak

Artikel ini memperjelaskan kepada masyarakat Malaysia amnya sebagai sebuah bentuk perincian terhadap Konsep Kebebasan Asasi yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan yang mana ianya mempunyai pelbagai peruntukan-peruntukan lain atau Perkara-Perkara yang di letakkan pada Bahagian II iaitu Kebebasan Asasi. Konsep ini terbahagi kepada beberapa Perkara utama iaitu pada Perkara 5 Kebebasan Asasi, Perkara 6 Keabdian dan kerja paksa dilarang, Perkara 7 Perlindungan daripada Undang-undang jenayah kuasa ke belakang dalam perbicaraan berulang, Perkara 8 Kesamarataaan, Perkara 9 Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak, Perkara 10 Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpesatuan, Perkara 11, Kebebasan beragama, Perkara 12 Hak berkenaan dengan pendidikan dan Perkara 13 Hak terhadap harta. Perkara-Perkara yang di sebutkan ini merupakan suatu perkara penting dan perkara asas untuk di fahami dalam mencapai satu hasil dan ke arah mendepani cabaran semasa rakyat Malaysia yang berbilang kaum, bangsa dan agama.

Kata kunci: kebebasan asasi, Perlembagaan Persekutuan, syarak.

Abstract

This article clarifies to the Malaysian society in general as a form of detail on the Concept of Freedom contained in the Federal Constitution where it contains various other provisions of Articles set forth in Part II of the Fundamental Liberties. The concept is divided into several main points for example Article 5 Right To Life Liberty, Article 6 No Slavery, Article 7 No Retrospective Criminal Laws Or Increases In Punishment And No Repetition Of Criminal Trials, Article 8 Equality, Article 9 Prohibition Of Banishment And Freedom Of Movement, Article 10 Freedom Of Speech, Assembly And Association, Article 11, Freedom Of Religion, Article 12 Rights In Respect Of Education And Article 13 Right To Property. The things mentioned here are important and fundamental things to be understood in achieving one outcome and towards addressing the challenges of the multi-racial, racial and religious of Malaysians.

Keywords: fundamental freedom, Federal Constitution, Sharia.

Cite This Article:

Ahmad Farid Ibrahim, Ahmad Jazlan Mat Jusoh & Mohd Rahim Ariffin. (2022). Memahami Kebebasan Asasi Menurut Perlembagaan dalam Mendepani Cabaran Semasa [Understanding The Fundamental of Freedom from The Constitution in Exception of Nowadys Challenges]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(3): 044-057.

Pengenalan

Setiap manusia yang normal yang mampu berfikir dengan baik memerlukan kepada sesuatu keinginan, kehendak dan juga jaminan dalam kehidupan lebih-lebih lagi dalam menjalani arus kemodenan masa dalam proses mendepani cabaran semasa dan apa yang penulis ingin sampaikan disini adalah dalam konteks kebebasan asasi, di mana kebebasan asasi mempunyai haknya yang tersendiri. Termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan bahawasanya Kebebasan Asasi suatu perkara utama yang di perjelaskan dalamnya di mana ianya di letakkan dalam Bahagian II (Kebebasan Asasi) yang terbahagi kepada beberapa perkara penting iaitu Perkara 5 Kebebasan Asasi, Perkara 6 Keabdian dan kerja paksa dilarang, Perkara 7 Perlindungan daripada Undang-undang jenayah kuasa ke belakang dalam perbicaraan berulang, Perkara 8 Kesamarataan, Perkara 9 Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak, Perkara 10 Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan, Perkara 11, Kebebasan beragama, Perkara 12 Hak berkenaan dengan Pendidikan dan Perkara 13 Hak terhadap harta (Perlembagaan Persekutuan 2017).

Di sini dijelaskan serba sedikit berkaitan Perkara-Perkara yang disebut di atas, agar masyarakat amnya memahami dan mampu mematuhi setiap daripadanya sebaik mungkin. Namun tujuan utama penulisan ini adalah untuk memberi pemahaman secara jelas hanya kepada Perkara utama dalam konteks kebebasan asasi ini iaitu Kebebasan diri, Perkara 5 sahaja. Perkara-Perkara yang lain yang termasuk dalam Bahagian II hanya akan di terangkan secara sepintas lalu.

Latar belakang Ringkas Tentang Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan Persekutuan merupakan tonggak kepada Persekutuan Tanah Melayu atau Negara Malaysia. Dasar yang tertanam di dalamnya merupakan suatu dasar yang tertinggi yang mengatasi segala bentuk perundungan yang ada di Malaysia. Konsep yang di julang adalah Konsep Ketertinggian Perlembagaan, ini bermaksud tiada peruntukan dan Perundungan yang boleh mengatasi Peruntukan yang ada dan yang termaktub dalamnya. Dasar-dasar yang tersenarai dalam Perlembagaan adalah merupakan dasar-dasar negara yang terpilih sebagai panduan dan rujukan rakyat Malaysia. Perkara 4 “ Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan ini adalah tidak sah setakat ketidakselarasan itu. (*Perlembagaan Persekutuan Perkara 4*).

Bahagian II- Kebebasan Asasi

Menurut Perkara 6 Perlembagaan, Keabdian dan kerja paksa dilarang

- (1) Tiada seorang pun yang boleh di tahan sebagai abdi.
- (2) Segala bentuk kerja paksa adalah dilarang tetapi Parlimen boleh melalui undang-undang. Membuat peruntukan mengenai perkhidmatan wajib bagi maksud-maksud negara (*Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 6, 20 Januari 2017).

Perkara di atas konsep perhambaan/abdi adalah diharamkan dan ianya menyalahi peraturan negara, maka sekiranya berlaku juga perkara-perkara tersebut seperti perhambaan dan juga seperti membawa masuk warga asing dan memaksa mereka menjalankan kerja-kerja perburuhan atau kerja-kerja paksa adalah menyalahi undang-undang dan boleh di kenakan hukuman, namun Perkara 6 (2) menjelaskan kembali, jika sekiranya pihak Kerajaan merasakan keperluan kepada pengambilan tenaga kerja atau tenaga buruh sebagai tenaga kerja atau modal insan dalam proses pembangunan Negara, maka itu di bolehkan kerana Parlimen diberi hak dan kuasa membuat peruntukan khas bagi mengambil pekerja-pekerja tersebut melalui satu istilah ‘perkhidmatan yang wajib’ yang tidak menyalahi undang-undang. Oleh yang demikian proses pengambilan tenaga buruh tersebut mestilah melalui satu pihak berkuasa awam yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Dimasukkan di sini satu contoh kes berkaitan Perkara 6 Perlembagaan:

Kes 1- Kes Nirmala Bonat

Nirmala ialah seorang warga Indonesia yang telah bekerja sebagai pembantu rumah. Dia telah didera oleh majikannya Yim yang berbangsa Cina. Mahkamah telah mengambil kira hukuman terhadap Yim selama 20 tahun di bawah Seksyen 326 Kanun Kesekeaan, dan hakim mahkamah seksyen telah menjatuhkan hukuman penjara selama 18 tahun untuk setiap pertuduhan kerana telah sampai kepada hukuman paling tinggi dikenakan di bawah seksyen tersebut. Yim didapati bersalah atas dua pertuduhan iaitu mencederakan Nirmala menggunakan seterika dan satu lagi tuduhan menyimbah air panas terhadap mangsa di Villa Putera, jalan Tun Ismail di Kuala Lumpur pada Januari, Mac dan April 2004.

Walau bagaimanapun, hakim telah membenarkan rayuan Yim untuk menggugurkan penyabitannya terhadap hukuman penjara 18 tahun kerana kekeliruan dalam kertas pertuduhan di mana berdasarkan kepada keterangan Nirmala di mahkamah yang menyatakan kejadian beliau diserang dengan seterika berlaku pada Mac dan bukan pada April. Ketika dalam penghakiman juga didapati keterangan oleh mangsa tidak menunjukkan sebarang tanda dia mempunyai penyakit sawan atau tidak siuman. Dan keterangan yang diberikan mangsa adalah seajar dengan laporan perubatan dan keterangan pakar. Ini membolehkan mangsa mempunyai peluang untuk mengadu kepada sesiapa mengenai kes dera ke atasnya. Hukuman yang dijatuhkan terhadap Yim adalah sebagai pengajaran kepada orang lain agar tidak melakukan perbuatan seperti itu terutamanya kepada mereka yang lemah. Walau bagaimanapun, hukuman terhadap tertuduh tidak dilaksanakan lagi kerana dia telah mengemukakan rayuan kepada Mahkamah rayuan. Selain itu, satu Perkara yang tidak kurang pentingnya untuk difahami ialah Perkara 7:

Perkara 7: Perlindungan daripada undang-undang jenayah kuatkuasa ke belakang dan prosiding berulang

- (1) Tiada seorang pun boleh dihukum kerana sesuatu perbuatan atau peninggalan yang tidak boleh dihukum menurut undang-undang pada masa perbuatan atau peninggalan itu dilakukan atau dibuat, dan tiada seorang pun boleh menanggung hukuman lebih berat kerana sesuatu kesalahan daripada yang telah ditetapkan oleh undang-undang pada masa kesalahan itu dilakukan. (*Perlembagaan Persekutuan, Perkara 7 (1), 2017*).

- (2) Seseorang yang telah dibebaskan daripada sesuatu kesalahan atau disabitkan atas sesuatu kesalahan tidak boleh dibicarakan semula kerana kesalahan yang sama kecuaian jika sabitan atau pembebasan itu telah dibatalkan dan perbicaraan semula diperintahkan oleh suatu mahkamah yang lebih atas daripada mahkamah yang telah membebaskan atau mensabitkannya itu. (*Perlembagaan Persekutuan, Perkara 7 (2), 2017*).

Ini menunjukkan bahawa Perkara 7 menekankan tentang seseorang individu itu telah diberikan hak dan kebebasan untuk mereka tidak didakwa oleh kesalahan yang sama, juga tidak boleh didakwa atas sesuatu kesalahan yang sama kecuali jika sekiranya kesalahan mereka itu dibawa ke suatu mahkamah yang lebih tinggi atau lebih atas daripada mahkamah yang telah mendakwa dan menyabitkannya serta menjatuhkan hukuman keatasnya sebelum ini. Jelaslah kepada kita bahawa walaupun pada asalnya mereka melakukan kesalahan dan telah dihukum namun mereka masih lagi diberi perlindungan dan mereka tetap ada hak mereka disisi peruntukan perundangan Negara.

Kes 2- *Public Prosecutor melawan Mohamed Ismail [1984] 2 MLJ 219*

Mohamed Ismail telah didapati bersalah bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana mengedar ganja. Pada tarikh beliau didapati bersalah, hukuman untuk seksyen tersebut telah dipinda. Di dalam kes ini terdapat undang-undang baru yang telah menghalang hakim daripada menggunakan kuasa budi bicara dalam menjatuhkan hukuman kepada pesalah. Mengikut undang-undang baru yang dipinda, hukuman mati adalah mandatori. Walau bagaimanapun, Orang Kena Tuduh (OKT) telah dibicarakan di bawah undang-undang lama Akta Dadah Berbahaya 1952 yang telah memberi kuasa budi bicara kepada hakim terhadap kesalahan pengedaran dadah. Pindaan terhadap undang-undang berlaku semasa hari OKT dijatuhkan hukuman bersalah dan mahkamah memutuskan bahawa OKT dalam kes ini masih layak untuk dihukumkan mengikut undang-undang terdahulu. Keputusan: Mohamed Ismail dihukum di bawah hukuman lama kerana ia bercanggah dengan artikel 7. (<http://ariesdasketchbook.blogspot.my/2012/03/han-asasi-manusia.html> diperolehi pada 3 Oktober 2017).

Kes di atas menjelaskan tentang peruntukan di bawah Perkara 7 yang berkait dengan Akta Dadah Merbahaya 1952.

Perkara 8: Kesamarataan

- (1) Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.
- (2) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pemerolehan atau pelupusan harta atau perhubungan dengan penubuhan atau penjalanan apa-apa

pertukangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan. (*Perlembagaan Persekutuan, Perkara 8 (1)(2), 2017*).

Setiap orang yang berada dalam Persekutuan Tanah Melayu atau Malaysia mempunyai layanan yang sama dan hak sama rata dari sudut Perlembagaan dan inilah yang ditekankan dalam perkara 8, di mana hak kesamataraan ini tidak boleh wujudnya diskriminasi atau layanan buruk atau prejudis semata-mata atas alasan agama ras dan keturunan yang berbeza. Oleh yang demikian mana-mana orang awam yang tinggal di Malaysia terikat dengan hak ini, maka tidak sepatutnya berlaku diskriminasi kaum atau agama atau atas dasar ras, jika sekiranya masih berlaku mereka boleh di kenakan hukuman terhadap perbuatan mereka dan boleh disabitkan dan dihukum.

Perkara 9 : Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak

- (1) Tiada seorang pun warganegara boleh dibuang negeri dari atau ditahan masuk ke Persekutuan.

Memberi maksud disini bahawa tiada seseorang pun daripada warganegara Malaysia yang boleh atau dihukum dengan kaedah buang negeri dari Negara atau Persekutuan dan juga memberi maksud atau pun mana-mana warganegara Malaysia yang berada di luar negara dan ingin masuk semula ke Malaysia dan tiada undang-undang boleh menahan mereka itu kecuali atas dasar sesuatu serta penyabitannya dengan jenayah dan sebagainya.

Contoh kes berkaitan perkara 9 :

Kes Datuk Syed Kechik B. Syed Mohd Melawan Government Of Malaysia [1979] 2 MLJ 101

Datuk Syed Kechik merupakan plaintif yang berasal dari Kedah dan telah dihantar bertugas ke Sabah pada tahun 1965. Plaintiff telah merasa selesa tinggal di Sabah dan juga telah berkeluarga dan turut menyekolahkan anaknya di negeri tersebut. Di samping itu, plaintiff juga telah menjalankan perniagaan di Sabah kerana kemudahan-kemudahan yang dinikmati ketika bermastautin di negeri Sabah. Oleh kerana itu, plaintiff telah memohon kepada mahkamah negeri untuk mendapat keistimewaan menjadi anak negeri sabah pada tahun 1971, dan permohonan tersebut telah diterima. Kes ini telah dirujuk di bawah perkara 11(2) yang mana tiada sesiapa pun boleh dipaksa membayar apa-apa cukai jika pendapatan dari cukai itu adalah diuntukkan khas sama ada kesemuanya atau sebahagiannya bagi maksud-maksud sesuatu agama yang lain daripada agamanya sendiri. Oleh sebab itu, permohonan Datuk Syed Kechik telah diterima pakai di bawah perkara 11(2). Mahkamah negeri Sabah telah memberikan hak asasi kepada Datuk Syed Kechik berdasarkan perlembagaan persekutuan berhubung dengan kebebasan bergerak bagi setiap warganegara. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit konflik apabila berlaku pergelakan dalam sistem politik di Sabah.

Konflik politik di Sabah berlaku adalah kerana pilihanraya yang diadakan pada tahun 1976 yang mana parti BERJAYA turut bertanding bagi merebut kerusi tersebut. Pilihanraya ini telah menimbulkan satu konflik kepada permohonan Datuk Syed Kechik untuk bermastautin di Sabah. Perkara ini adalah kerana manifesto yang dibawa oleh parti BERJAYA adalah untuk menghalau keluar Datuk Syed Kechik dari negeri Sabah sekiranya parti tersebut berjaya memenangi pilihan raya yang diadakan. Oleh yang demikian Datuk Syed Kechik telah membuat rayuan di Mahkamah Persekutuan. Rayuan yang dibuat oleh Datuk Syed Kechik ini telah diterima oleh mahkamah persekutuan dan susulan daripada kes tersebut Datuk Syed Kechik tidak dibuang negeri dan beliau berhak untuk bermastautin di negeri Sabah. Dalam kes ini, telah dimenangi oleh Datuk Syed Kechik yang mana rayuan yang dibuat oleh beliau telah diterima oleh mahkamah persekutuan.

Secara tidak langsung kes ini merujuk kepada perkara 9 Perlembagaan Persekutuan yang mana larangan buang negeri dan kebebasan bergerak menjadi rujukan dalam membuat keputusan kes ini. Oleh sebab itu, kes Datuk Syed Kechik ini adalah merujuk kepada Perkara 9 Perlembagaan dalam panduan kepada mahkamah membuat keputusan. Hal ini menunjukkan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang demokrasi kerana mengadili sesuatu perkara dengan mudah menggunakan undang-undang dan tidak bersifat berat sebelah. Oleh hal yang demikian, perlembagaan persekutuan harus dijadikan asas kepada setiap perkara yang melibatkan rakyat Malaysia terutamanya bagi kes-kes yang berkaitan dengan hak asasi manusia sebagai warganegara. (<http://ariesdasketchbook.blogspot.my/2012/03/han-asasi-manusia.html-diperolehi-pada-3-oktober-2017>).

Perkara 10: Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan

(1) Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4)_

- a) Tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara;
- b) Semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata;
- c) Semua warganegara berhak untuk membentuk persatuan. (*Perlembagaan Persekutuan, Perkara 10 (1) a,b,c, 20 Januari 2017*).

Setiap warganegara dan masyarakat majmuk serta berbilang kaum, malah kaum bumiputera mempunyai hak mereka masing-masing dalam erti kata bebas bercakap, bebas berhimpun dan bebas berpersatuan yang mana ketiga-tiga bentuk kebebasan ini adalah termaktub dalam Perkara 10 Perlembagaan. Sebagai rakyat atau warganegara Malaysia yang merdeka, pastinya mereka tidak mahu dijajah dan minda-minda mereka itu ditakluk oleh mana-mana pihak. Oleh itu hak kebebasan ini telah dijelaskan peruntukannya iaitu pada Perkara 10 (1) a,b dan c iaitu kebebasan bercakap dan bersuara atas dasar keadilan dan mempertahankan hak dan diri mereka jika ditindas atau ketika mana tidak mendapat layanan yang sama rata seperti yang disebutkan sebelum ini dalam Perkara 8. Pada masa yang sama semua warganegara berhak berhimpun, berkumpul, berada dalam satu kelompok yang ramai, berkumpul lebih dari tiga orang serta berbincang dalam keadaan aman dan damai dan tiada perkara-perkara yang mencurigakan serta tanpa adanya unsur-unsur melawan kerajaan atau tidak bersenjata. Jika

sebaliknya itulah yang sepatutnya mereka tadi dikenakan tindakan undang-undang kerana telah gagal mematuhi peruntukan yang termaktub dalam Perkara 10.

Seterusnya setiap warganegara juga berhak atau boleh menubuh atau membentuk atau membina persatuan mereka masing-masing dalam keadaan aman dan damai dan tidak beragenda negatif. Ini termaktub pada Perkara 10 (1) c, oleh itu jika mana-mana pihak berniat untuk menubuhkan persatuan mereka atas dasar untuk melawan atau agenda menentang kerajaan atau mempunyai perancangan negatif melakukan provokasi terhadap pemerintahan Negara, maka ianya berhak di ambil tindakan terhadap persatuan mereka itu.

Seterusnya penulis akan menjelaskan sedikit tentang Perkara 11,

Perkara 11 Perlembagaan;

Kebebasan Beragama.

- (1) Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya.
- (2) Tiada seorang pun boleh dipaksa membayar apa-apa cukai yang hasilnya diperuntukkan khas kesemuanya atau sebahagiannya bagi maksud sesuatu agama selain agamanya sendiri.
- (3) Tiap-tiap kumpulan agama berhak_
 - a) Menguruskan hal ehwal agamanya sendiri;
 - b) Menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi bagi maksud agama atau khairat; dan
 - c) Memperoleh dan mempunyai harta dan memegang dan mentadbirkannya mengikut undang-undang. (*Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 11 (1,2,3) a,b,c, 20 Januari 2017).

Antara kes yang paling popular dalam peruntukan Perkara 11 adalah seperti kes di bawah ini :

Teoh Eng Huat V Kadhi, Pasir Mas [1990] 2 ML 301

Dalam kes ini seorang gadis bukan Islam yang berumur 17 tahun telah diislamkan oleh seorang kadi tanpa kebenaran dan pengetahuan bapanya. Bapanya telah membawa tuntutan ke mahkamah memohon satu pengisyhtiran bahawa penganutan itu tidak sah kerana menurut undang-undang dan perlembagaan seorang bapa dan penjaga berhak menentukan agama, pelajaran dan asuhan anaknya. Mahkamah merujuk kepada Perkara 11 dan 12 Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah mengatakan bahawa dalam Perkara 11 fasal (1) perkataan tiap-tiap orang' merujuk kepada bahawa kebebasan beragama terpakai kepada semua orang tanpa mengira umur asalkan orang tersebut sempurna akal dan berupaya membuat keputusan. Semasa memeluk Islam gadis itu berumur 17 tahun 8 bulan dan pada itu beliau berupaya membuat keputusan sendiri untuk melaksanakan haknya di bawah Perlembagaan untuk bebas mengamalkan agama pilihan beliau.

Mahkamah juga merujuk Perkara 12 fasal (3) dan fasal (4). Mahkamah menekankan kedua-dua fasal ini hendaklah dibaca bersama. Fasal (3) melarang seseorang diwajibkan menerima ajaran-ajaran, mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau sembahyang sesuatu agama lain. Sementara fasal (4) memperuntukkan bagi tujuan fasal (3), agama bagi seseorang yang berumur kurang daripada 18 tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya. Mahkamah mengatakan bahawa daripada fakta kes dan keterangan yang diberi tiada apa yang menunjukkan bahawa gadis tersebut telah diwajibkan untuk menerima ajaran atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau sembahyang sesuatu agama selain agamanya sendiri. Perkara 11 diwajibkan mempunyai elemen paksaan keterangan langsung yang didapati tiada wujud paksaan atau unsur-unsur sebegitu yang dikenakan terhadap gadis tersebut. Pihak menuntut menegaskan dengan menghendaki anak gadisnya melafazkan dua kalimah syahadah ialah satu perbuatan diwajibkan seperti yang dilarang oleh fasal (3) Perkara 12. Mahkamah mengatakan bahawa ia kehendak upacara tersebut tetapi bukan satu syarat untuk mengambil bahagian dalam upacara itu. Tambahan lagi tiada sebarang bukti yang menunjukkan bahawa gadis tersebut dipaksa untuk memeluk Islam seperti yang dibuktikan dalam kenyataan bersumpah beliau yang mengatakan bahawa beliau memeluk Islam dengan rela hati tanpa dipaksa oleh mana-mana pihak.

Mahkamah Agong dalam keputusan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi itu menolak pentafsiran Mahkamah Tinggi tentang Perkara 12 fasal (3) dan (4). Mahkamah Agong menegaskan fasal (4) adalah nyata iaitu agama seseorang yang di bawah umur 18 tahun mesti ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya. Namun kedudukan gadis itu tidak disentuh kerana beliau sekarang sudah pun berumur lebih 18 tahun dan telah pun memeluk Islam dengan sukarela dan adalah tidak adil untuk memberi keputusan sebaliknya. (<http://ariesdasketchbook.blogspot.my/2012/03/han-asasi-manusia.html-diperolehi> pada 3 Oktober 2017).

Berdasarkan Perkara di atas, perlulah kita fahami sebagai warganegara Malaysia, apabila Agama Islam adalah agama rasmi Persekutuan maka ianya berada pada tahap yang paling tinggi sekali, namun agama-agama lain boleh di anuti dan diamalkan secara aman dan damai tanpa ada berlakunya provokasi dan pergaduhan sebagai contoh ketika perayaan Thaipusam, perayaan kaum Hindu dan pada hari tersebut mereka merayakan hari upacara agama bagi kaum mereka) berdasarkan prinsip ianya sah di sisi undang-undang Negara, jika ada berlakunya kekacauan pada perayaan tersebut pihak terbabit boleh di dakwa. Kaum lain berhak menghormatinya pada waktu itu kerana telah tertulis dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, ternyata itu adalah hak kebebasan asasi bagi agama mereka. Dengan jelas kita boleh fahami bahawa setiap apa yang termaktub dalam Perlembagaan, maka keterikatan kita sebagai warganegara adalah tertakluk padanya.

Selain itu, setiap pemimpin agama masing-masing berhak untuk mentadbir urus acara agama mereka dan hal ehwal agama masing-masing dengan aman dan harmoni. Pada masa yang sama mereka berhak menuju dan menyenggara institusi-institusi mereka itu tadi sebaik mungkin dan juga mereka tidak pernah dihalang dalam memperolehi dan mendapatkan harta serta memegang dan mentadbirkannya namun menurut nas undang-undang. Penulisan ini meneruskan kepada penjelasan Perkara 12 iaitu;

Perkara 12, Hak berkenaan dengan pendidikan

- (1) Tanpa menjaskan keluasan Perkara 8, tidak boleh ada diskriminasi terhadap mana-mana warganegara semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir—
- a) Dalam pentadbiran mana-mana institusi pendidikan yang disenggarakan oleh suatu pihak berkuasa awam, dan khususnya, kemasukan murid-murid atau pelajar-pelajar atau pembayaran fi; atau
 - b) Dalam memberikan bantuan kewangan daripada wang sesuatu pihak berkuasa awam bagi penyenggaraan atau pendidikan murid-murid atau pelajar-pelajar di mana-mana institusi pendidikan (sama ada di senggarakan oleh suatu pihak berkuasa awam atau tidak dan sama ada di dalam atau di luar Persekutuan). (*Perlembagaan Persekutuan, Perkara 12 (a dan b), 20 Januari 2017*).

Jelas di fahami daripada Perkara di atas, sebagai warganegara Malaysia kita mempunyai hak masing-masing dalam perkara yang berkaitan dengan pendidikan dan proses pembelajaran, dimana setiap sekolah umumnya berhak menyenggarakan pentadbirannya sendiri walaupun sekolah tersebut adalah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil atau Kebangsaan khusus untuk Melayu itu sendiri. Setiap daripada institusi-institusi yang disebutkan tadi sebagai contoh, mempunyai peruntukannya yang tersendiri, dana dan kewangan negara juga ada menyalurkan kewangan kepada badan-badan tersebut demi mencapai kemajuan dan pembangunannya.

Perkara 13

Seterusnya penulisan ini adan menyentuh pula Perkara 13, Hak terhadap harta;

- a) Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang.
- b) Tiada undang-undang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai. (*Perlembagaan Persekutuan, Perkara 13 a,b, 20 Januari 2017*).

Apa yang boleh di jelaskan di sini adalah sekiranya seseorang individu itu atau warganegara itu mempunyai sejumlah harta hasil usaha mereka sendiri dan harta itu adalah hak milik mereka yang sah di sisi agama dan undang-undang, maka tiada seorang pun yang berhak ke atas harta tersebut malah Kerajaan pun tak boleh bertindak melucutkan hak ke atas hartanya kecuali atas dasar undang-undang. Sebagai contoh sekiranya di dapat harta itu adalah hak pemilikan yang tidak sah maka barulah ianya tadi boleh dilucutkan haknya mengikut peruntukan undang-undang Negara.

Begitu juga undang-undang negara tidak berhak menggunakan harta milik mereka secara paksa atau memperuntukkan pengambilannya daripada harta-harta mereka secara paksa atau rampas, kerana telah di jelaskan dalam Perkara 13 tentangnya.

Perbahasan seterusnya adalah berkisar tentang peruntukan Perkara 5 yang mana perkara ini adalah merupakan titik tolak kepada konsep Kebebasan Asasi yang disebutkan dalam Bahagian II. Sebagai warganegara yang berhemah dan mempunyai jiwa dan perasaan yang

normal amat memerlukan kepada hak ini, iaitu hak kebebasan diri dalam melalui kehidupan dan cabaran semasa. Warganegara perlu dilindungi dan hak mereka perlu dijaga dan diberi jaminan;

Perkara 5; Kebebasan Diri

- (1) Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang. (*Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 5,(1), 20 Januari 2017).
Setiap warganegara pada amnya mempunyai hak-mereka tersendiri lebih-lebih lagi dalam perkara yang disebutkan diatas, ternyata Perkara tersebut diletakkan di bahagian teratas dalam Bahagian II. Disini pun sudah jelas ianya amat penting. Penulis ingin menghuraikan dengan lebih dalam lagi pada bahagian ini demi kefahaman para pembaca dan masyarakat amnya.
- (2) Jika pengaduan dibuat kepada Mahkamah Tinggi atau mana-mana hakim Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa seseorang sedang ditahan dengan menyalahi undang-undang, maka mahkamah itu hendaklah menyiasat pengaduan itu dan, melainkan jika mahkamah itu berpuas hati bahawa tahanan itu adalah sah, hendaklah memerintahkan supaya orang itu dibawa ke hadapan mahkamah itu dan melepaskannya.
- (3) Jika seseorang ditangkap maka dia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh alasan-alasan dia ditangkap dan dia hendaklah dibenarkan berunding dengan dan dibela oleh seorang pengamal undang-undang pilihannya.
- (4) Jika seseorang ditangkap dan tidak dilepaskan, maka orang itu hendaklah tanpa kelengahan yang tidak munasabah, dan walau bagaimanapun dalam tempoh dua puluh empat jam (tidak termasuk masa apa-apa perjalanan yang perlu) dibawa ke hadapan majistret dan orang itu tidak boleh ditahan dalam jagaan selanjutnya tanpa kebenaran majistret itu:

Dengan syarat bahawa Fasal ini tidaklah terpakai bagi penangkapan atau penahanan mana-mana orang di bawah undang-undang yang sedia ada yang berhubungan dengan kediaman terhad, dan kesemua peruntukan Fasal ini hendaklah disifatkan telah menjadi suatu bahagian perlu Perkara ini mulai dari hari Merdeka:

Dengan syarat selanjutnya bahawa dalam pemakaianya bagi seseorang, selain seorang warganegara, yang ditangkap atau ditahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan imigresen, Fasal ini hendaklah dibaca seolah-olah perkataan "tanpa kelengahan yang tidak munasabah, dan walau bagaimanapun dalam tempoh dua puluh empat jam (tidak termasuk masa apa-apa perjalanan yang perlu)" telah digantikan dengan perkataan "dalam tempoh empat belas hari":

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa dalam hal penangkapan bagi sesuatu kesalahan yang boleh dibicarakan oleh mahkamah Syariah, sebutan dalam Fasal ini mengenai majistret hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan mengenai hakim mahkamah Syariah. (*Perlembagaan Persekutuan*, Perkara 5,(2,3,4), 20 Januari 2017).

https://wikisource.org/wiki/Perlembagaan_Persekutuan_Malaysia/Kebebasan_Asasi.

Perbahasan perkara 5 adalah suatu perbahasan yang besar yang melibatkan 4 perkara pokok yang perlu dititikberatkan dalam memahami hak-hak tersebut.

Penulisan ingin mendatangkan satu kes yang berkait dengan peruntukan Perkara 5 ini yang mana kes tersebut sangat penting untuk di fahami.

Kes 1- Kes Ahmad Raduan Awang Dol Melawan *Public Prosecutor*

Dalam kes ini didapati Ahmad Raduan Awang telah melanggar Perkara 5 (1) Perlembagaan Persekutuan dan beliau telah didapati bersalah oleh mahkamah kerana melanggar Perkara 5 (1) dan telah disabitkan hukuman dibawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan. Hal ini demikian kerana, seseorang individu itu tidak mempunyai hak untuk membunuh individu lain. Hal ini menunjukkan bahawa semua rakyat Malaysia mempunyai hak kebebasan diri masing-masing dalam menjalankan aktiviti harian mereka. Jika terdapat masalah, perbalahan ataupun perselisihan faham, hal ini haruslah diselesaikan dengan cara baik dan juga rasional.

Tindakan Ahmad Raduan Awang yang telah membunuh mangsa iaitu Awang Jamli bin Awang Sani walaupun dalam pembelaan dirinya menyatakan bahawa pembunuhan yang terjadi adalah berlaku secara tanpa niat namun tindakan tersebut telah menyebabkan kematian mangsa iaitu Awang Jamli bin Awang Sani. Oleh yang demikian, tertuduh iaitu Ahmad Raduan Awang telah didapati bersalah dan telah dijatuhkan hukuman mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman gantung mandatori. Kes pembunuhan ini telah terjadi akibat daripada perbalahan yang berlaku di Kampung Tutus Hilir Mukah, Sarawak pada 25 November 1994 dan dengan membunuh mangsa, tertuduh telah menghalang kebebasan diri mangsa untuk terus menjalankan kehidupannya.

Fasal dua Perkara 5 dalam Perlembagaan Malaysia ialah jika pengaduan dibuat kepada Mahkhamah Tinggi atau kepada mana-mana hakim Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa seseorang adalah ditahan dengan menyalahi undang-undang, maka mahkamah itu hendaklah menyiasat pengaduan itu dan, melainkan berpuas hati bahawa tahanan itu adalah sah di sisi undang-undang, mahkamah itu hendaklah memerintahkan orang itu dibawa ke hadapan mahkamah itu dan melepaskannya. Hal ini bermaksud jika seseorang warganegara itu ditangkap dengan tidak mengikut undang-undang, dia boleh membuat pengaduan kepada mahkamah terhadap penangkapannya. Beliau juga boleh memohon habeas corpus daripada mahkamah untuk membebaskan dirinya.

Peruntukan ini merujuk kepada hak bagi mereka yang ditahan untuk membuat permohonan di Mahkamah Tinggi supaya menyiasat permohonan mereka dan melepaskan tahanan tersebut sekiranya didapati bahawa penahanan tersebut adalah tidak sah. Hak ini adalah berasaskan kepada undang-undang *common law* Inggeris tentang permohonan *habeas corpus*. *Common law* bermaksud undang-undang tradisi tidak bertulis England, berasaskan kebudayaan dan adat tempatan, yang mula menapak semenjak beribu-ribu tahun dahulu sebelum kewujudan Amerika Syarikat lagi. Hari ini, kebanyakannya *common law* ini sudah pun dimaktubkan secara bertulis (statut). Walau bagaimanapun, kadang-kadang para pakar undang-undang akan merujuk kepada asas prinsip *common law* dalam memahami maksud sebenar sesuatu statut.

Habeas corpus pula ialah merujuk kepada satu pemohonan yang dibuat oleh seseorang individu yang ditangkap kepada mahkamah bagi menentukan samada penangkapan yang dilakukan terhadapnya adalah sah dari segi undang-undang atau tidak sah dari segi undang.

Habeas corpus ini biasanya terjadi apabila penangkapan individu itu mempunyai bukti atau keterangan yang tidak jelas dan kukuh. Jika perkara ini terjadi seseorang itu layak untuk memohon habeas corpus daripada mahkamah.

Fasal 3 Perkara 5 dalam Perlembagaan Malaysia pula menyatakan bahawa dengan jika seseorang ditangkap makan ia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh sebab-sebabnya ditangkap dan ia hendaklah di benarkan berunding dengan seorang pengamal undang-undang yang dipilih olehnya dan dibela oleh pengamal undang-undang itu. Fasal ini bermaksud jika seseorang warganegara yang ditangkap oleh pihak polis, maka beliau hendaklah diberitahu tentang sebab-sebab dia ditangkap dengan seberapa segera yang boleh. Hal ini demikian kerana, bagi membolehkannya berunding dengan peguam yang dipilihnya dan beliau berhak dibela oleh peguam tersebut. (<http://ariesdasketchbook.blogspot.my/2012/03/han-asasi-manusia.html>)

Dalam penulisan ini juga penulis bawakan satu lagi kes yang penting berkaitan dengan Perkara 5 yang perlu difahami kesan dan pelaksanaannya.

Kes 2- Kes Kam Teck Soon Melawan Timbalan Menteri Dalam Negeri

Kes yang berkaitan dengan Perkara 5 (3) ialah mengenai kes Kam Teck Soon melawan Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia. kes ini ialah mengenai penangkapan Kam Teck Soon dan tujuh rakannya oleh pihak polis. Kam Teck Soon (plaintiff) telah mendakwa bahawa ingin mengetahui alasan beliau ditangkap berserta afidavit-afidavit yang disediakan oleh pihak defendant iaitu Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia. hal ini demikian kerana, plaintiff telah mendakwa penangkapan yang dilakukan terhadap dirinya adalah tidak sah dan bertentangan dengan Perkara 5 (3) Perlembagaan Persekutuan yang telah menyatakan jika seseorang ditangkap makan ia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh sebab-sebabnya ditangkap dan ia hendaklah di benarkan berunding dengan seorang pengamal undang-undang yang dipilih olehnya dan dibela oleh pengamal undang-undang itu.

Plaintif telah ditangkap di bawah Seksyen 3 (1) dan telah ditahan di bawah Seksyen 4 (1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah, 1996) pada 8 Julai 1999. Keterangan telah menunjukkan bahawa plaintiff tidak dimaklumkan tentang alasan penangkapannya. Oleh yang demikian, hal ini telah melanggar Perkara 5 (3) Perlembagaan Persekutuan kerana walaupun Ordinan tersebut menafikan tentang perlunya pemberitahuan alasan penangkapan , ia seharusnya bersandarkan ada Perkara 5 (3) Perlembagaan Persekutuan dengan mengkaji dari sudut autoriti, fakta kes serta hujah-hujah yang konkret. Oleh itu, maka jelaslah bahawa proses pengadilan kes ini telah melanggar Perkara 5 (3) Perlembagaan Persekutuan dan mahkamah telah memutuskan bahawa plaintiff telah dibebaskan daripada tuduhan.

Perkara 5 (4) pula menyatakan bahawa jika seseorang itu ditangkap dan tidak dilepaskan, maka orang itu hendaklah dibawa ke hadapan seorang majistret dengan segera, sekiranya tiada apa-apa sebab yang berpatutan , tetapi walau bagaimanapun dalam tempoh dua puluh empat jam (tidak termasuk masa perjalanan yang perlu) dan orang itu tidak boleh ditahan selanjutnya dengan tiada kuasa majistret itu. Fasal ini menerangkan bahawa seseorang warganegara tidak boleh ditahan oleh pihak polis lebih 24 jam kecuali setelah dibawa ke hadapan seorang majistret untuk mendapat perintah tahanan.

Tempoh untuk membawa seseorang yang ditangkap ke majistret adalah berbeza mengikut taraf kewarganegaraannya. Fasal (4) ini telah membezakan antara hak warganegara dan hak kepada bukan warganegara. Dalam fasal (4) ini hak bukan warganegara adalah sedikit jika dibandingkan dengan hak kepada warganegara. Hak untuk seseorang warganegara untuk dibawa ke hadapan majistret adalah dalam tempoh 24 jam manakala hak untuk dibawa ke hadapan majistret bagi bukan warganegara adalah dalam tempoh 14 hari. Perkara 5 (5) pula menyatakan bahawa fasal (3) dan (4) tidak dipakai terhadap orang negara musuh.

Namun begitu terdapat juga sekatan terhadap Perkara 5 ini kerana sekatan yang dibuat adalah bertujuan untuk menyekat kebebasan tersebut daripada dipraktikkan bagi menjaga kepentingan orang ramai. Walaupun pada dasarnya sesuatu perkara itu mengenai kebebasan namun jika tindakan itu dikhuatiri akan menjelaskan ketenteraman orang ramai, maka ia boleh dibantah atau dinafikan. Pembatalan kebebasan diri ini dilakukan mengikut peruntukan Perkara 149 Perlumbagaan Persekutuan. Akta Keselamatan Dalam Negeri telah diluluskan oleh Parlimen mengikut Perkara 149 Perlumbagaan Persekutuan.

Akta ini memperuntukkan kuasa untuk menahan seseorang tanpa bicara jika kesalahan yang dilakukan difikirkan boleh mengganggu-gugat keselamatan awam dan negara. Undang-undang ini boleh dibuat oleh Parlimen walaupun akan bertentangan dengan hak asasi atau kuasa negeri dan undang-undang ini akan terhenti kuatkuasanya jika kedua-dua Majlis Parlimen meluluskan usul untuk membatalkan undang-undang itu. Walaupun kebebasan ini diwujudkan namun, Perlumbagaan Persekutuan masih menjamin hak kebebasan diri daripada teraniaya dengan mewujudkan Perkara 151 yang memberikan perlindungan terhadap seseorang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (<http://ariesdasketchbook.blogspot.my/2012/03/han-asasi-manusia.html-diperolehi> pada 3 Oktober 2017).

Dari pada dua kes di atas perbahasan yang jelas tentang proses peruntukan hak Kebebasan Asasi yang termaktub dalam Perlumbagaan Persekutuan.

Kesimpulan

Kebebasan Asasi merupakan satu Perkara yang penting kepada setiap warganegara yang berada dalam Persekutuan atau Malaysia kerana untuk sebuah kehidupan yang baik, aman dan harmoni, setiap individu memerlukan satu bentuk perlindungan dan hak yang boleh menjamin dan memperakarkan bahawa setiap warganegara berhak dan bebas dalam melaksanakan setiap perbuatan, pekerjaan dan amalan masing-masing lebih-lebih lagi dengan adanya masyarakat pelbagai kaum dan bangsa seperti Melayu, Bumiputera, Cina dan India serta kaum-kaum lain yang hidup dalam Malaysia. Selain daripada itu setiap warganegara juga amat memerlukan satu garis panduan untuk mereka bergerak, berpersatuan, menjalankan aktiviti pendidikan, dan juga amalan seharian tanpa ada kekeliruan, serta kerisauan dan tanpa bersembunyi. Maksudnya mereka bebas berhimpun dan berpersatuan serta mengamalkan adat dan budaya mereka masing-masing tanpa rasa takut dan terancam oleh mana-mana pihak atau parti politik atau individu. Oleh yang demikian Konsep Kebebasan Asasi dalam Perlumbagaan Persekutuan merupakan satu peraturan yang terbaik sebagai sebuah panduan kehidupan merujuk kepada sebuah Negara yang mempunyai masyarakat yang berbilang bangsa dan agama dalam mendepani arus kemodenan dan cabaran semasa yang penuh dengan pelbagai rintangan.

Rujukan

- Abdul Rashid Moten, 2008. *Society, Politics and Islam: An Overview, Government and Politics in Malaysia*. Kuala Lumpur: Cengage Learning.
- Ahmad Adullah, 1969. *Parlimen Malaysia, Amalan dan Cara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chamil Wariya, 2009. *Parlimen Malaysia, Perjalanan Badan Perundangan Persekutuan*, Petaling Jaya: Media Global Matrix Sdn. Bhd.
- <http://ariesdasketchbook.blogspot.my/2012/03/han-asasi-manusia.html>-diperolehi 2017.
- https://wikisource.org/wiki/Perlembagaan_Persekutuan_Malaysia/Kebebasan_Asasi-diperolehi 2017.
- <http://ariesdasketchbook.blogspot.my/2012/03/han-asasi-manusia.html>-diperolehi pada 3 Oktober 2017).
- Mohd Rizal Yaakop, Shamrahayu A. Aziz, 2014. *Kontrak Sosial Perlembagaan Persekutuan 1957*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Mohd Safar Hasim. 2001. *Kebebasan dan Kebebasan Bersuara: Satu Tinjauan dari Sudut Perlembagaan dan Undang-undang Malaysia*, 17. pp. 57-65.
- Nik Abdul Rashid, 1979. *The Constitution of Malaysia It's Development: 1957-1977*, Oxford, Oxford University Press.
- Noor Aziah Mohd Awal. 2013. *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia*. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Norraihan Zakaria. 2007. *Konsep Hak Asasi Manusia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perlembagaan Persekutuan*. 2013. Petaling Jaya International Law Book Services.
- Perlembagaan Persekutuan*. 2017. Petaling Jaya International Law Book Services.
- Rau & Kumar. 2016. *General Principles of The Malaysian Legal System*, Petaling Jaya International Law Book Services.
- Wan Arfah Hamzah. 2009. *A First Look At The Malaysian Legal System, Selangor*, Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Wan Arfah Hamzah & Ramy Bulan. 2003. *An Introduction to the Malaysian Legal System*, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Wu Min Aun, 2005. *The Malaysian Legal System* 3 rd ed. Kuala Lumpur: Pearson Longman.
- Zulhilmi Paidi, Rohani Ab Ghani, Mohamad Idris Saleh, Ismail Yusoff, Jazliza Jamaluddin. 2011. *Malaysia Pembinaan Negara dan Bangsa*. Kuala Lumpur: Prentice Hall, Pearson.